

# WARTA SAWIT

Jangan lepaskan peluang memenangi RM 100... Sertai Kuiz Sawit SEKARANG!!!

Boleh didapati *on-line* di <http://palmoilis.mpob.gov.my/index.php/warta-sawit>

Naskhah PERCUMA terbitan Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan Bil. 67 (3)/September-Disember 2017



## Koperasi Tubuh, Pekebun Kukuh



### MENARIK DI DALAM!

- Peranan MSPO
- Baka Kambing yang Sesuai Diintegrasikan dengan Sawit
- Resipi Masakan Berasaskan Sawit
- Kuiz Sawit



Lembaga Minyak Sawit Malaysia • Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi  
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.  
Tel: 03-8769 4400 Faks: 03-8925 9446 [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

## Sidang Penerbit

PENASIHAT  
**Dr Ahmad Kushairi Din**

PENGERUSI  
**Hj Mohamad Nor Abdul Rahman**

TIMBALAN PENERUSI/  
 KETUA PENYUNTING  
**Dr Ramle Moslim**

PENYUNTING  
**Dr Norman Kamarudin**  
**Ruba'ah Masri**  
**Dr Ahmad Tarmizi Hashim**  
**Hj Zulkifli Abd Manaf**  
**YM Raja Zulkifli Raja Omar**  
**Hj Khairuman Hashim**  
**Hj Zainal Shafie**  
**Noor Asmawati Abd Samad**  
**M Ayatollah K Ab Rahman**

SETIAUSAHA  
**Zaki Aman**

## KANDUNGAN

- Dari Meja Ketua Penyunting **2**
- Peranan MSPO Terhadap Pembangunan Pekebun Kecil Sawit **4**
- Kenalilah... Ke Arah Kelestarian Pekebun Kecil Sawit **7**
- Sudut Teknologi - Baka Kambing untuk Integrasi Bersama Sawit **8**
- Sembang Sawit **12**
- Kuiz Sawit **13**
- Sudut Kreatif Sawit **16**
- Sedutan Akhbar **17**
- Tahukah Anda? **20**
- Berita Bergambar **22**
- Diari & Peristiwa **24**
- Sudut Ekonomi **27**
- Usahawan Sawit Jaya **30**
- Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit **31**
- Direktori **32**

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak boleh dianggap dipersetujui MPOB.



## DARI MEJA KETUA PENYUNTING

Seiring dengan kemajuan komunikasi digital tanpa sempadan di mana maklumat hanya di hujung jari, pengguna minyak sawit kini lebih berpengetahuan. Mereka mula melihat nilai kebaikan produk berasaskan sawit bukan sahaja dari segi khasiatnya, tetapi juga bagaimana ia dihasilkan. Adakah ia dihasilkan secara mampan iaitu di atas tanah yang sah bukan tanah ceroboh, tidak melibatkan penebangan hutan, tidak menggunakan buruh paksa, tanpa penggunaan bahan kimia toksik atau tidak memudaratkan pekerja dan alam sekitar. Adakah negara pengeluar sawit seperti Malaysia mengamalkan amalan pengeluaran sawit mampan bukan sahaja keuntungan dikongsi bersama antara pekerja dan majikan, tetapi juga kebajikan pekerja-pekerja ladang mereka turut dibela. Maka pada era ini, pengguna mempunyai kuasa membeli dan memilih yang tinggi di mana barangan yang dipilih bukan sahaja berkhasiat, tetapi perlu dihasilkan secara mampan.

Memahami perihal pentingnya aspek kemampanan, tiada pilihan bagi Malaysia untuk memastikan proses pengeluaran sawit memenuhi kehendak pengguna. Demi kemajuan dan kesejahteraan industri sawit, Malaysia perlu mengekalkan pasaran sawit di peringkat antarabangsa agar ia dapat bersaing dengan negara pengeluar dan produk minyak tanaman lain. Ini bagi membuktikan aspek kemampanan dipatuhi melalui pelaksanaan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia atau Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO). Pensijilan MSPO akan dilaksanakan meliputi sektor perladangan serta pekebun kecil dan kilang sawit di seluruh negara bagi memastikan penghasilan minyak dan produk sawit adalah berkualiti, selamat dan bernilai premium di pasaran antarabangsa.

Sektor pekebun kecil memainkan peranan penting dalam industri sawit negara. Ini kerana 40% daripada 5.77 juta hektar luas kawasan tanaman sawit adalah milik pekebun kecil. Bagi sektor ini, selepas 31 Disember 2019, pengeluaran buah tandan segar milik pekebun kecil perlulah mendapat sijil MSPO. Banyak manfaat dapat dirasai pekebun kecil daripada pensijilan MSPO.

Aktiviti ini dapat meningkatkan pengetahuan pekebun kecil mengenai teknologi baru melalui latihan dan khidmat pengembangan yang diberikan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia atau agensi lain. Malahan yang lebih penting lagi, ia dapat meningkatkan pengeluaran hasil sawit dan seterusnya pendapatan melalui pelaksanaan Amalan Pertanian Baik (GAP). Amalan GAP ini memastikan pekebun kecil menggunakan jenis dan kadar baja yang betul, kurang penggunaan racun kimia melalui pelaksanaan sistem kawalan perosak bersepadu serta pengurusan sisa racun seperti pelupusan tong racun kosong yang berkesan. Aspek penting yang perlu dipatuhi bagi pensijilan MSPO juga meliputi amalan meningkatkan kualiti tanah dan kawalan hakisan tanah, perlindungan kawasan zon penampan berdekatan sungai, pemeliharaan kepelbagaian biologi dengan memulihara kawasan nilai tinggi bagi tumbuhan dan hidupan liar hidup membiak. Kesemua manfaat daripada pelaksanaan MSPO dapat memastikan alam sekitar dijaga untuk keperluan generasi akan datang.

Bagi memastikan pelaksanaan MSPO kepada lebih 650 000 pekebun kecil sawit berjaya dan berjalan lancar,

kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah mengumumkan insentif bagi membantu pekebun kecil sawit memiliki sijil MSPO. Sebanyak RM 130 juta dana kerajaan telah disalurkan sebagai insentif kepada semua pekebun kecil sawit untuk membantu mereka mendapatkan pensijilan MSPO secara percuma. Menjelang pelaksanaan mandatori MSPO pada akhir tahun 2019, pemberian insentif ini dapat mengurangkan bebanan kewangan pekebun kecil terutama bagi menampung yuran pengauditan pensijilan, penyediaan kemudahan stor bahan kimia serta peralatan perlindungan diri. Pada masa ini, terdapat lebih 240 000 ha ladang sawit termasuk lebih 7000 ha kawasan milik pekebun kecil telah memiliki sijil MSPO yang mula diperkenal pada Januari 2015. MPOB akan terus melaksanakan program penerangan kepada para pekebun kecil mengenai kepentingan memiliki sijil MSPO dengan tujuan utama untuk memastikan industri sawit negara terus mampan pada masa akan datang.



Dr Ramle Moslim  
ramle@mopob.gov.my

## Sudut Renungan



Telah menceritakan kepada kami Abu Bakr bin Abu Syaibandan 'Amru An Naqid seluruhnya daripada Al-Aswad bin Amir; Abu Bakr berkata; telah menceritakan kepada kami Aswad bin 'Amir; telah menceritakan kepada kami Hammad bin Salamah daripada Hisyam bin 'Urwah daripada bapanya daripada 'Aisyah dan dari Tsabit daripada Anas bahawa Nabi Muhammad SAW pernah melewati suatu kaum yang sedang mengahwinkan pokok kurma lalu baginda bersabda: "Sekiranya mereka tidak melakukannya, kurma itu akan (tetap) baik". Tapi setelah itu, ternyata kurma tersebut tumbuh

dalam keadaan rosak. Hingga suatu saat Nabi Muhammad SAW melewati mereka lagi dan melihat hal itu baginda bertanya: Ada apa dengan pohon kurma kalian? Mereka menjawab; bukankah Tuan telah mengatakan hal ini dan hal itu? Baginda lalu bersabda: Kalian lebih mengetahui urusan dunia kalian."

Hadith Riwayat: Muslim, No. 4358

### Huraiannya:

- i. Dalam urusan keduniaan, Nabi Muhammad SAW menyerahkan kepada kepakaran kita untuk mengolahnya.
- ii. Pengolahan tersebut hendaklah tidak lari daripada petunjuk syariat islam iaitu ajaran Al-Quran dan sunnah.
- iii. Manusia diberi kebenaran untuk mengolah dan mencipta sesuatu demi kebaikan manusia sejagat seperti hadis di atas menceritakan mengenai pentingnya pendebungaan kurma atau sawit dilakukan.

# PERANAN MSPO TERHADAP PEMBANGUNAN PEKEBUN KECIL SAWIT

## PENDAHULUAN

Pekebun kecil merupakan nadi penting dalam pembangunan tanaman sawit di Malaysia. Menurut data yang dikeluarkan MPOB, hampir 40% daripada jumlah 5.74 juta hektar keseluruhan kawasan tanaman sawit di Malaysia kini diusahakan oleh pekebun kecil. Dengan luas 3.9 ha sawit bagi setiap pekebun kecil, mereka mampu meraih pendapatan purata sehingga RM 2000 sebulan. Pembangunan tanaman sawit komersial di Malaysia yang bermula pada 1917 dan kini genap usianya 100 tahun telah terbukti berjaya membasmi kemiskinan luar bandar dan seterusnya meningkatkan taraf hidup pekebun kecil. Kejayaan ini sebenarnya telah dimulakan dengan penubuhan skim rancangan FELDA pada 1 Julai 1956 yang berjaya membawa hampir 103 156 peneroka dan ahli keluarga mereka keluar daripada kepompong kemiskinan. Skim rancangan ini seterusnya dicontohi dengan penubuhan agensi-agensi kerajaan lain khusus untuk membantu pekebun kecil seperti FELCRA, RISDA dan sebagainya.

Kejayaan industri sawit Malaysia pada hari ini dapat dikecapi selepas menghadapi pelbagai cabaran dan ancaman. Jika dahulu, cabaran utama adalah untuk meningkatkan produktiviti tetapi kini cabaran utama adalah isu kemampuan. Minyak sawit Malaysia kini berdepan ancaman penolakan oleh pasaran Kesatuan Eropah (EU). Pada 4 April 2017, satu resolusi untuk memperkenalkan skim pensijilan tunggal bagi minyak sawit yang ingin memasuki pasaran EU dan melarang penggunaan biodiesel sawit menjelang tahun 2020 telah disuarakan oleh EU. Hal ini dijangka akan menjejaskan pasaran minyak sawit Malaysia dan memberi kesan buruk kepada hampir 650 000 pekebun kecil sawit di Malaysia yang bergantung kepada pendapatan hasil sawit. Jika produk sawit milik pekebun kecil berdepan penolakan dan tidak dapat dijual di pasaran, di manakah harus produk ini dijual?

Justeru, bagi membela nasib pekebun kecil, kerajaan telah mewajibkan pelaksanaan skim pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) kepada semua pekebun kecil di Malaysia mulai 31 Disember 2019. Kerajaan telah memperuntukkan RM 130 juta bagi membiayai kos pensijilan MSPO untuk pekebun kecil yang meliputi kos latihan, pengauditan, peralatan perlindungan diri (PPE) dan rak penyimpanan bahan kimia. Bagi pelaksanaan MSPO untuk pekebun kecil, MPOB telah diberikan mandat oleh pihak kerajaan bagi memastikan semua pekebun kecil dapat dipersijilkan menjelang tarikh yang ditetapkan.

Pensijilan MSPO bertujuan untuk mengesahkan bahawa pekebun kecil menghasilkan buah tandan segar (BTS) yang mampan. Terdapat tujuh prinsip yang perlu dinilai bagi mencapai tujuan ini antaranya adalah komitmen dan tanggungjawab pengurusan; ketelusan; pematuhan terhadap undang-undang; tanggungjawab sosial; kesihatan dan keselamatan pekerjaan; persekitaran, sumber asli, kepelbagaian-bio dan perkhidmatan ekosistem; amalan terbaik dan pembangunan penanaman baharu.

## TAMBAH ILMU PENGETAHUAN

Melalui pensijilan MSPO, pekebun kecil akan sentiasa diberikan pendedahan mengenai aspek kemampuan. Program kesedaran MSPO yang dilaksanakan secara berterusan kepada pekebun kecil akan membantu menambah ilmu pengetahuan pekebun kecil dalam aspek pertanian mampan. Pekebun kecil perlu mengetahui kepentingan penjagaan alam sekitar dan aspek keselamatan sewaktu menjalankan aktiviti penyelenggaraan di kebun sawit.

Selain itu, pekebun kecil akan diberi tunjuk ajar agar mengetahui kaedah terbaik yang sepatutnya diamalkan di kebun mereka bagi membantu meningkatkan hasil. Maklumat yang tepat ini kemudiannya akan disebar oleh pekebun

kecil kepada pekebun kecil lain melalui pelbagai kaedah seperti lisan, aplikasi telefon pintar dan sebagainya. Peningkatan dalam pengetahuan diharap dapat melahirkan pekebun kecil yang lebih berwibawa dan lebih produktif pada masa hadapan.

### **PENGURUSAN KEBUN LEBIH CEKAP**

Pensijilan MSPO menggalakkan pekebun kecil untuk menyertai Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) yang ditubuhkan MPOB. Ia bertujuan untuk memudahkan pengurusan dan pemantauan pekebun kecil oleh pegawai MPOB. Nasihat dan tunjuk ajar sawit secara berterusan kepada pekebun kecil akan memberikan impak positif terhadap pengurusan kebun yang lebih sistematik. Hal ini didukung oleh prinsip pertama MSPO yang menekankan aspek pengurusan yang lebih baik.

Aspek penuaian, pembajaan dan kawalan rumpai dilaksanakan mengikut program yang disyorkan oleh MPOB. Jika sebelum ini penuaian dan pembajaan dilaksanakan tanpa sebarang program yang teratur, kini semuanya mengikut syor dan keperluan sewajarnya. Konsep tanam, jaga dan tuai akan diamalkan sepenuhnya oleh pekebun kecil melalui pemantauan berterusan oleh pihak MPOB.

Pengurusan kebun sawit yang lebih berkesan akan memberi manfaat yang besar kepada pekebun kecil terutamanya dari segi peningkatan hasil. Jika tidak diuruskan dengan baik, hasil dan produktiviti akan menurun dan menjejaskan pendapatan.

### **PENJENAMAAN PRODUK SAWIT PEKEBUN KECIL**

Masyarakat dunia khususnya pengguna minyak sawit beranggapan bahawa minyak sawit Malaysia hanya dihasilkan oleh syarikat perladangan. Melalui pensijilan MSPO, masyarakat dunia akan mengetahui bahawa minyak sawit yang digunakan oleh mereka sebahagiannya datang daripada pekebun kecil. Pasti pengguna minyak sawit akan terkesan jika mengetahui produk sawit yang digunakan telah banyak membantu membasmi kemiskinan.

### **KESIMPULAN**

Skim pensijilan MSPO memainkan peranan yang amat penting dalam merencanakan aspek pembangunan pekebun kecil mampan di Malaysia.

Pekebun kecil yang dipersijilkan MSPO telah mematuhi aspek sosial, keselamatan, penjagaan alam sekitar dan amalan pertanian baik. Bagi negara barat, mereka lebih mengutamakan hasil sawit yang memenuhi kriteria tersebut yang terkandung dalam piawaian MSPO. Dengan adanya sijil MSPO yang mengesahkan pekebun kecil memenuhi syarat tersebut, akan memudahkan eksport sawit ke negara berkenaan. Ini akan meningkatkan permintaan terhadap minyak sawit Malaysia dan diharap dapat menstabilkan harga minyak sawit dunia. Ia juga merupakan langkah proaktif bagi meletakkan industri sawit Malaysia lebih maju ke hadapan berbanding negara pengeluar minyak sawit dunia yang lain. Justeru, pekebun kecil yang merupakan nadi sawit negara perlu melaksanakan MSPO agar perjuangan industri sawit Malaysia dapat diteruskan ke arah masa depan yang lebih gemilang.



*Lawatan juruaudit MSPO ke kebun milik pekebun kecil persendirian di SPOC Kuala Kangsar, Perak.*



Mesyuarat pembukaan audit MSPO di SPOC Kuala Kangsar, Perak.

## RUJUKAN

MPOB (2016). [http://bepi.mpob.gov.my/images/area/2016/area\\_summary.pdf](http://bepi.mpob.gov.my/images/area/2016/area_summary.pdf)

BERITA HARIAN (2017). Lobi anti-minyak sawitancam 650 000 pekebun kecil, 8 November 2017.

MPOB (2017). *Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Part 2: General principles for independent smallholders*. MPOB, Bangi, Selangor.

FELDA (2006). *Felda's Fifty Years: Land Pioneers to Investor*, Lee Boon Thong and Tengku Shamsul Bahrin.



Sesi taklimat MSPO kepada pekebun kecil di Kompleks Rakan Muda Pulau Baling, Kedah.



Sumbangan:  
Mohd Shahrin Rahami  
mohd.shahrin@mpob.gov.my

## KENALILAH... KE ARAH KELESTARIAN PEKEBUN KECIL SAWIT

Isu kelestarian pengeluaran minyak sawit telah dibincangkan secara mendalam oleh pengguna, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan semua yang terlibat dalam industri sawit. Permintaan pengguna agar minyak dihasilkan secara lestari merupakan cabaran kepada semua sektor pengeluar sawit termasuk pekebun kecil sawit persendirian. Pengurusan lestari dalam penanaman sawit mestilah mempunyai nilai ekonomi yang memberi sumbangan kepada masyarakat sekeliling, menyediakan persekitaran seimbang dan pelaksanaan pengurusan kebun menggunakan teknologi mekanisasi yang sesuai dan tepat mengikut perkembangan semasa.

Malaysia sangat komited untuk menghasilkan minyak sawit yang memenuhi piawaian antarabangsa dan pada masa yang sama turut memelihara kelestarian persekitaran. Pengeluaran minyak sawit juga perlu mematuhi piawaian bagi menentukan ia mampan dan selamat digunakan supaya terus berdaya saing di pasaran. Justeru itu, kerajaan telah mengumumkan bahawa pensijilan MSPO adalah mandatori sepenuhnya pada Disember 2019.

Masyarakat umum mengetahui bahawa pekebun kecil sawit persendirian memiliki kebun yang kecil dan tidak ekonomi, kedudukan kebun berselerak, kurang modal, hasil BTS rendah dan bergantung kepada orang tengah dalam pengurusan serta pemasaran BTS. Oleh itu, strategi untuk mengelompokkan pekebun kecil dilihat sebagai satu teras yang penting bagi memperkasa dan menyatukan pekebun kecil.

Pada November 2009, Kelompok Minyak Sawit Mampan atau lebih dikenali dengan *Sustainable Palm Oil Cluster* (SPOC) telah dilancarkan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC). Pekebun kecil dalam kelompok ini kemudiannya didaftarkan di bawah Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM).

Melalui SPOC dan KPSM, ia memudahkan MPOB menjalankan aktiviti pengembangan sawit, pemindahan teknologi terkini dan pensijilan kemampan seperti MPOB GAP/CoP/RSPO. Kajian yang dijalankan oleh Zaki Aman (2014) telah mengenal pasti bahawa faktor yang mempengaruhi kelestarian pekebun kecil adalah keluasan tanah, hasil sehektar, hasil jualan BTS, kos operasi dan sumber pendapatan lain seperti hasil integrasi.

Faktor ini sedikit sebanyak dapat diatasi melalui penubuhan KPSM kerana ia dapat

meningkatkan pengeluaran secara mampan dan kualiti BTS, mengurangkan kos melalui pembelian input berkelompok mendapat harga jualan BTS yang optimum dan seterusnya meningkatkan pendapatan pekebun kecil serta ahli-ahlinya.

Adalah diharapkan pekebun kecil sawit persendirian dapat berganding bahu bersama-sama dalam memastikan kelestarian sawit negara dapat diteruskan untuk generasi akan datang. Anjakan paradigma pekebun kecil untuk turut serta dalam koperasi, pensijilan dan program transformasi negara menjadi tonggak kejayaan kerajaan.



*Keadaan kebun sawit diurus secara lestari.*



*Mesyuarat anggota KPSM mengenai kebun dan koperasi.*

### RUJUKAN

ZAKI, A dan MOHD NOOR IZUDDIN, Z A (2014). Kelestarian tanaman sawit oleh pekebun kecil persendirian ke arah negara berpendapatan tinggi. *Prosiding Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2014*. m.s. 173 -181.

FADZIL, G (2017). Pensijilan MSPO mandatori pada 2019. *Berita Sawit*. 4 Mac 2017.



Sumbangan:  
Nazirah Che Jaafar  
nazirah@mpob.gov.my

## SUDUT TEKNOLOGI

# BAKA KAMBING UNTUK INTEGRASI BERSAMA SAWIT

### PENDAHULUAN

Kajian MPOB mendapati aktiviti integrasi kambing dengan sawit mampu menjana pendapatan tambahan khususnya kepada pekebun kecil yang mempunyai tanah yang terhad. Bidang ini jika dilaksanakan secara sistematik dijangka dapat memberikan pendapatan yang tinggi dan dapat membantu negara mengurangkan pergantungan kepada import kambing yang sekarang berada pada paras yang tinggi iaitu 89% (Jabatan Perkhidmatan Veterinar, 2016).

Secara umumnya, baka kambing untuk diintegrasikan bersama sawit boleh diperolehi daripada dua sumber iaitu tempatan dan juga import. Terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi pemilihan baka kambing untuk tujuan pemeliharaan dan pembiakan iaitu kos induk, prestasi dan kegunaan baka tersebut. Dari segi kos, secara umumnya baka kambing tempatan adalah lebih murah berbanding baka kambing yang diimport. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi prestasi berdasarkan dua sumber tersebut. Kambing tempatan lazimnya mempunyai saiz badan yang lebih kecil berbanding kambing import. Namun baka kambing tempatan lazimnya lebih tahan jangkitan penyakit berbanding kambing import. Dari segi operasi pula, kambing yang diternak untuk tujuan tenusu adalah lebih rumit berbanding yang dipelihara untuk tujuan pedaging. Namun penternakan kambing tenusu menjana pendapatan harian kepada penternak berbanding kambing pedaging yang lazimnya dijual hanya apabila ia matang.

Jenis-jenis baka kambing yang boleh dipelihara di dalam kebun sawit boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan berdasarkan kegunaannya iaitu baka pedaging, tenusu dan pedaging-tenusu. Ciri-ciri utama baka kambing ini adalah seperti berikut.

### BAKA PEDAGING

#### i) Katjang

Kambing Katjang merupakan baka tempatan bersaiz kecil berwarna hitam, perang gelap atau bertompok putih. Ia diternak untuk tujuan pengeluaran daging. Kambing Katjang adalah lebih lasak dan tahan kepada jangkitan cacing. Bentuk badan kecil dan bertelinga pendek. Purata berat badan ketika berumur setahun adalah 19.6 kg bagi kambing jantan dan 13.8 kg bagi kambing betina (Zainal *et al.*, 2014). Baka ini sesuai diintegrasikan dengan sawit.



*Kambing penjantan Katjang.*



*Kumpulan kambing betina Katjang.*

#### ii) Boer

Kambing Boer merupakan baka import yang berasal dari Afrika Selatan (Musaddin *et al.*, 2012), berbulu pendek, putih dan merah coklat pada bahagian kepala serta bertelinga panjang. Mula dibawa masuk ke Malaysia pada 2006 (Jabatan Perkhidmatan Veterinar, 2017). Boer merupakan induk yang paling sesuai untuk pengeluaran daging. Purata berat badan setahun bagi kambing jantan adalah 42.2 kg manakala kambing betina adalah 34.5 kg

(Kamil, 2010). Baka ini sesuai diintegrasikan dengan sawit.



*Kambing penjantan Boer.*



*Kumpulan kambing betina Boer.*

### iii) Kalahari

Kambing Kalahari merupakan baka import yang berasal dari Afrika Selatan (Musaddin *et al*, 2012). Bentuk badan menyerupai ciri-ciri kambing Boer cuma berbeza dari segi warna bulu yang merah-keperangan pada keseluruhan badan. Purata berat dewasa bagi jantan adalah 115 kg manakala bagi betina pula adalah 75 kg (Chris, 2011). Baka ini berpotensi diintegrasikan dengan sawit.



*Kambing penjantan Kalahari.*



*Kumpulan kambing betina Kalahari.*

## BAKA TENUSU

### i) Saanen

Kambing Saanen merupakan baka import dari Switzerland (Musaddin *et al*, 2012), berbulu pendek, berwarna putih, bertelinga kecil tegak ke atas dan berhidung lurus serta tirus. Berat badan jantan ketika berumur setahun adalah 49.2 kg manakala betina adalah 44.2 kg (Zainal *et al*, 2014). Baka ini sesuai diintegrasikan dengan sawit.



*Kambing penjantan Saanen.*



*Kumpulan kambing betina Saanen.*

### ii) Toggenberg

Kambing Toggenberg merupakan baka import yang berasal dari Switzerland (Musaddin *et al*, 2012), berbulu pendek, berwarna perang, bertelinga kecil tegak ke atas dan berhidung lurus serta tirus. Selain itu, terdapat bulu putih pada sebahagian muka, ekor serta kedua-dua pasang kaki depan dan belakang (stokin). Berat badan jantan dewasa boleh mencapai 79 kg manakala kambing betina mencapai 61 kg (Musaddin *et al*, 2012). Baka ini berpotensi diintegrasikan dengan sawit.



*Kambing penjantan Toggenberg.*



*Kambing betina Toggenberg.*

### iii) Alpine

Kambing Alpine merupakan baka import yang berasal dari Perancis (Wikipedia, 2017) berbulu pendek, berwarna hitam gelap, bertelinga kecil tegak ke atas dan berhidung lurus serta tirus. Selain itu, sebahagian muka dan ekor serta kedua-dua hujung kaki terdapat bulu yang berwarna putih (stoking). Berat badan jantan dewasa kira-kira 77 kg manakala betina dewasa 61 kg (Wikipedia, 2017). Baka ini berpotensi diintegrasikan dengan sawit.



*Kambing penjantan Alpine.*



*Kambing betina Alpine.*

## BAKA PEDAGING-TENUSU

### i) Anglo Nubian

Kambing Anglo Nubian merupakan baka import yang berasal dari England (Jabatan Perkhidmatan Veteriner, 2016). Ia berbulu pendek, berwarna merah-keperangan, bertelinga lebar serta panjang berbentuk bujur sirih dan berhidung mancung (*Roman nose*). Berat kambing matang jantan adalah 45.0 kg dan kambing betina 41.8 kg (Zainal, 2015). Baka ini sesuai diintegrasikan dengan sawit.



*Kambing penjantan Anglo Nubian.*



*Kambing induk betina Anglo Nubian.*

### ii) Shami

Kambing Shami merupakan baka import yang berasal dari Cyprus, berbulu panjang, berwarna coklat perang kemerahan, bertelinga labuh dan berhidung tinggi. Berat badan jantan matang adalah 42.0 kg manakala betina adalah 33.9 kg berdasarkan berat semasa di Stesen Penyelidikan MPOB Keratong, Pahang. Baka ini sesuai diintegrasikan dengan sawit.



*Kambing penjantan Shami.*



*Kambing betina Shami.*

### iii) Jamnapari

Kambing Jamnapari merupakan baka import yang berasal dari India (Jabatan Perkhidmatan Veteriner, 2017 dan Musaddin *et al*, 2012). Ia bervariasi warna seperti putih, hitam atau coklat, berbulu lebat pada bahagian muka peha belakang, bertelinga labuh dan berhidung mancung (*Roman nose*). Berat badan jantan dewasa adalah di antara 68-120 kg manakala kambing betina di antara 46-90 kg (Jabatan Perkhidmatan Veteriner, 2017). Baka ini berpotensi diintegrasikan dengan sawit.



*Kambing penjantan Jamnapari.*



*Kambing betina Jamnapari.*

Pemilihan baka yang tepat adalah penting dengan mengambil kira bajet, pasaran, persekitaran dan minat penternak. Jika anda berminat untuk membela kambing secara integrasi dengan sawit, boleh melayari portal MPOB di [www.mprob.gov.my](http://www.mprob.gov.my) untuk mendapatkan maklumat lanjutan berkaitan bantuan Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITE).

## RUJUKAN

CHRIS (2011). *About The Kalahari Red. Stonehaven Stud.* [http://www.stonehavenstud.com.au/kalahari\\_red.htm](http://www.stonehavenstud.com.au/kalahari_red.htm).

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (2016). Kadar Saradiri Ternakan 2007-2016. [http://www.dvs.gov.my/dvs/resources/user\\_1/DVS%20pdf/Perangkaan%202015%202016/page\\_12.pdf](http://www.dvs.gov.my/dvs/resources/user_1/DVS%20pdf/Perangkaan%202015%202016/page_12.pdf)

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (2017). Risalah: Kambing Jamnapari. <http://www.dvs.gov.my/dvs/resources/auto%20download%20images/560cb0032aab1.pdf>

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (2017). Risalah: Kambing Boer. [http://www.dvs.gov.my/dvs/resources/auto\\_download\\_images/560caff26486.pdf](http://www.dvs.gov.my/dvs/resources/auto_download_images/560caff26486.pdf)

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (2017). Risalah: Kambing Anglo Nubian. <http://www.dvs.gov.my/dvs/resources/auto%20download%20images/560cb000b15d3.pdf>

MD ZAINAL RASYIDI M R; KAMIL AZMI T dan RAJA ZULKIFLI R O (2014). *Integration of dairy goat in oil palm.* Laporan VIVA 659 /2014. MPOB, Bangi, Selangor.


MD ZAINAL RASYIDI M R (2015). Laporan: *Model for One Hectare: Intensive Dairy Goat Farming Research Progress Report (PAC 2015).* Integration Research and Extension Division Crop and Livestock Unit.

MUSADDIN, K; ABD. RASHID, B dan AZIZAN, A R (2012). Manual Teknologi Pengeluaran Kambing Pedaging di Malaysia. Mardi

WIKIPEDIA (2017). *Alpine Goat.* [https://en.wikipedia.org/wiki/Alpine\\_goat](https://en.wikipedia.org/wiki/Alpine_goat)



Sumbangan:  
 Dr Md. Zainal Rasyidi  
[zainal.rasyidi@mpob.gov.my](mailto:zainal.rasyidi@mpob.gov.my)



Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) adalah bantuan yang disalurkan oleh MPOB kepada pekebun kecil melalui penebangan pokok sawit tua yang berumur melebihi 25 tahun untuk meningkatkan produktiviti pekebun kecil sawit seterusnya mencapai purata hasil BTS negara 26 tan/ha/thn menjelang tahun 2020. Di bawah skim ini, pekebun kecil persendirian akan menggunakan anak benih sawit berkualiti serta mengamalkan sistem pengurusan penanaman sawit yang baik supaya hasil sawit dapat ditingkatkan. Nilai bantuan adalah tidak melebihi RM 7500/ha di Semenanjung dan RM 9000/ha di Sabah dan Sarawak tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sasaran insentif ini adalah untuk pekebun kecil sawit persendirian sahaja.

## ????????? **Kuiz Sawit** ???????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah **RM 100** sekiranya berjaya menjawab lima soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya **tiga** penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

### Syarat penyertaan

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit* kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Sila bulatkan jawapan yang betul;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **28 FEBRUARI 2018**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar/faks/emel jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit  
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.  
*u/p: Unit Khidmat Pengembangan,  
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan  
melalui Aplikasi WhatsApp 017-821 9693  
ATAU fakskan ke 03-8920 2932  
ATAU emelkan kepada reza@mpob.gov.my*

WHATSAPP  
SEKARANG !!!

**017-821 9693**

PENGHANTARAN  
BORANG PENILAIAN  
MELALUI APLIKASI  
WHATSAPP.

JANGAN  
LEPASKAN  
PELUANG  
MEMENANGI  
**RM 100**  
MELALUI APLIKASI  
WHATSAPP

**SUMBER MAKLUMAT UNTUK MENJAWAB SOALAN KUIZ INI ADALAH BERDASARKAN ARTIKEL-ARTIKEL DALAM WARTA SAWIT BIL. 67 (3)/SEPTEMBER-DISEMBER 2017.**

## SOALAN KUIZ SAWIT BIL. 67 (3)/SEPTEMBER-DISEMBER 2017

1. Apakah tujuan pensijilan MSPO dilakukan terhadap pekebun kecil?
  - (a) Mendapat harga BTS yang tinggi
  - (b) Pengesahan pekebun kecil menghasilkan BTS yang mampan
  - (c) Meraih pendapatan sehingga RM 10 000 sebulan
  - (d) Memenuhi syarat pemohonan lesen MPOB
2. Faktor-faktor yang mempengaruhi kelestarian pekebun kecil adalah?
  - (a) Keluasan, hasil BTS, kos operasi dan sumber pendapatan lain
  - (b) Desakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)
  - (c) Peningkatan pendapatan pekebun kecil
  - (d) Keluasan tanah yang melebihi 100 ekar

3. Yang manakah antara berikut layak untuk menjadi ahli Kelab 30 Tan?
- Pekebun kecil tersusun dengan hasil BTS 30 tan/ha/tahun
  - Pekebun kecil tersusun dengan hasil BTS 25 tan/ha/tahun
  - Pekebun kecil persendirian dengan hasil BTS 30 tan/ha/tahun
  - Pekebun kecil persendirian dengan hasil BTS 20 tan/ha/tahun
4. Apakah jenis kambing baka pedaging yang boleh dipelihara integrasikan dengan sawit?
- Katjang, Boer
  - Saanen, Alpine
  - Jamnapari, Shami
  - Katjang, Boer, Saanen, Alpine, Jamnapari dan Shami
5. Baka kambing yang berbulu panjang yang berwarna coklat perang kemerahan dan bertelinga labuh. Apakah baka kambing tersebut?
- Katjang
  - Shami
  - Jamnapari
  - Alpine

Nama : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_  
 No. Telefon : \_\_\_\_\_  
 Alamat : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_


**JAWAPAN SOALAN KUIZ WARTA SAWIT  
 BIL. 66(2)/MEI-OGOS 2017**

- d
- a
- c
- d
- c

**NAMA PEMENANG KUIZ SAWIT  
 BIL. 66(2)/MEI-OGOS 2017**

- Hj. Abdul Mait@ Halim b. Akmad, Sandakan Sabah
- Norehah bt. Arifin, Kemaman, Terengganu
- Azli b. Abdul Rahim, Taiping, Perak

*Beli-belah di PalmShoppe  
secara "online"*



*Layari  
<http://palmshoppe.mpob.gov.my/>*



## KERABU ULAM BERSAMA SANTAN SAWIT



### Bahan

Daun selom	100 g	
Kacang panjang	100 g	
Daun pegaga	100 g	
Taugeh	100 g	
Limau nipis	3 biji	
Kerisik kelapa	50 g	
Bawang besar	30 g	} dikisar } halus
Halia	1 inci	
Santan sawit	200 g	

### Bahan untuk ditumbuk

Ikan bilis	80 g
Udang kering	30 g
Bawang merah	30 g
Serbuk lada hitam	10 g
Cili merah hiris halus	2 biji

### Cara Penyediaan

1. Semua bahan ulaman sayuran digaul dalam satu bekas bersama bahan tumbuk.
2. Tambah perasa secukupnya dan sedia untuk dihidang.



Sumbangan  
 Persatuan Chef Muslim Islam Malaysia

### PENGUMUMAN

Para pembaca dipelawa untuk menghantar resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar dengan keterangan yang lengkap berserta nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Setiap sumbangan yang disiarkan dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas daripada MPOB. Sila hantar ke alamat:

**Sudut Kreatif Warta Sawit**  
 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,  
 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.  
 u/p: Unit Khidmat Pengembangan,  
 Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan  
 Emel: reza@mpob.gov.my  
 WhatsApp: 014-716 2231

# SEDUTAN AKHBAR

## CANTAS ELEKTRIK KURANGKAN KOS Harian Metro, 27 September 2017

Sejak 2007, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) terus giat menjalankan penyelidikan dan inovasi bagi menghasilkan pelbagai versi mesin pemotong tandan sawit yang diberi nama Cantas.

MPOB juga komited menyahut saranan kerajaan untuk mempergiat penggunaan teknologi hijau bagi mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Pada Julai tahun ini, MPOB memperkenalkan mesin Cantas Elektrik iaitu hasil inovasi yang menggunakan tenaga elektrik.

Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din berkata, inovasi terkini itu dapat membantu peneroka dan pekebun kecil mengurangkan kos penuaian sebanyak RM 1000 setahun berbanding penggunaan mesin yang diperkenalkan sebelum ini.

"Berbanding mesin Cantas Evo iaitu versi sebelum ini, Cantas Elektrik dikuasakan dengan bateri 20 volt yang ternyata dapat mengurangkan kos penuaian hingga RM 1000 setahun untuk satu mesin.

"Cantas Elektrik adalah hasil inovasi daripada mesin Cantas Evo yang dikuasakan dengan enjin dan menggunakan minyak petrol," katanya.

## PENGELUAR, PENGEKSORT OLEOKIMIA TERBESAR Utusan Malaysia, 4 Oktober 2017

KLANG, 3 Oktober – Malaysia kini merupakan negara pengeluar dan pengeksport terbesar dalam industri oleokimia dengan jumlah pengeluaran sebanyak 1.2 juta tan bagi separuh pertama tahun ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan berkata, industri oleokimia kini kian memberangsangkan berikutan ia penyumbang kepada kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara berdasarkan nilai asas minyak komoditi.

Katanya, pasaran industri oleokimia diramal akan berkembang setiap tahun, yang mana bagi tahun ini kadar pertumbuhan mencatat sebanyak 6.3% dan dijangka terus meningkat sehingga 2020.

"Pada masa ini, terdapat 20 loji oleokimia yang beroperasi di Malaysia dengan kadar penggunaan sebanyak 84.6% pada 2016. Kadar ini merupakan yang tertinggi bagi sektor minyak kelapa sawit tempatan dan mampu menghasilkan 20% pengeluaran oleokimia peringkat global.

"Oleh demikian, menyedari kepentingan oleokimia ini, kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi membolehkan industri ini meningkat sekali gus mampu memperkenalkan produk berasaskan sawit yang berkualiti tinggi," katanya.

## SASAR LATIH 78 000 BELIA SEKTOR PERLADANGAN Berita Harian, 7 Oktober 2017

TELUK INTAN - Kebergantungan kepada pekerja asing dalam sektor perladangan negara masih terlalu tinggi dengan 300 000 daripada 393 000 pekerja sedia ada bukan warga tempatan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, bagi mengatasi isu itu, Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) dipertanggungjawab memberi kursus dan latihan kepada warga tempatan.

Sejak ditubuhkan pada 2011, katanya, IMPAC sudah mengendalikan kursus dan latihan kepada 46 849 peserta sehingga akhir tahun lalu.

"Ia diharap dapat membantu mengurangkan kebergantungan kita kepada pekerja asing dalam sektor komoditi khususnya kelapa sawit.

"Menjelang 2020, IMPAC menyasarkan melatih lebih 78 000 peserta daripada kalangan belia menerusi pusat latihan di bawah enam agensi kementerian ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penutup Siri Jelajah Kelima Seminar Keperluan Latihan Kemahiran dalam Memperkasa Modal Insan Sektor Komoditi Sawit di sini, hari ini.

### PERTAHAN INDUSTRI MINYAK SAWIT - TPM

Harian Metro, 10 Oktober 2017

Malaysia tidak boleh berdiam diri sebaliknya perlu bertindak balas terhadap semua kempen negatif terhadap minyak sawit.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerajaan tidak akan bertolak ansur dengan penolakan industri minyak sawit.

"Hari ini, Malaysia adalah pemain bertenaga dalam industri sawit global yang menghasilkan hampir 20 juta tan minyak sawit dan jumlah nilai eksport sebanyak RM 67 bilion tahun lalu.

"Namun, industri minyak sawit menghadapi cabaran yang belum pernah terjadi sebelumnya dan terus menghadapi kempen anti-sawit dengan negara-negara pengguna khususnya di Kesatuan Eropah.

"Kita tidak boleh berdiam diri lagi. Kita perlu bertindak balas terhadap semua kempen negatif terhadap minyak sawit. Kita mesti bertindak balas secara rasional," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Makan Malam Anugerah Kepimpinan Industri Minyak Sawit (PILA) 2017 di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur.

Hadir sama, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong dan Timbalannya Datuk Datu Nasrun Datu Mansur serta Pengerusi Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) Datuk Lee Yeow Chor.

### SABUN MINYAK SAWIT

Harian Metro, 13 Oktober 2017

Sebanyak RM 67.6 bilion dicatatkan industri sawit negara pada 2016, sekali gus meletakkannya antara penyumbang utama bagi sektor eksport selepas petroleum dan elektronik.

Perkembangan dan kemajuan industri berkenaan yang diterajui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) itu juga terus meningkatkan pertumbuhan industri sawit negara selain turut membangunkan sektor hiliran sawit bagi pengeluaran produk tambah nilai.

Terbaru, hasil penyelidikan MPOB melalui Bahagian Kemajuan Teknologi Oleokimia (AOTD) berjaya mencipta formulasi bahan pencuci pakaian mesra alam berasaskan sawit.

Dilancarkan pada Julai lalu, produk berjenama Mahkota itu dihasilkan melalui penyelidikan yang diketuai Pegawai Penyelidik, Zulina Abd Maurad.

Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din berkata, cecair pencuci pakaian berasaskan minyak sawit itu mempunyai pelbagai ciri istimewa termasuk mempunyai kuasa cucian aktif dan membersihkan dengan lebih baik, serta mesra alam kerana lebih mudah terurai secara biologi (biodegrasi).

### BAJET 2018: PERTANIAN KEMBALI MENINGKAT, DIPACU PENGELUARAN GETAH, SAWIT

Bernama, 27 Oktober 2017

Sektor pertanian dijangka melonjak sebanyak 5.6% pada 2017 berbanding 5.1% pada tahun lepas, dipacu oleh subsektor sawit dan getah.

Menurut Laporan Ekonomi 2017/2018 yang dikeluarkan Kementerian Kewangan, subsektor sawit kembali meningkat dengan pertumbuhan ketara sebanyak 14.6% (Januari-Jun 2016: 15.2%), didorong pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) yang lebih tinggi.

Dalam tempoh sembilan bulan pertama 2017, pengeluaran MSM naik 12.2% kepada 14.1 juta tan berikutan hasil buah tandan segar yang lebih tinggi pada 12.7 tan sehektar, (Januari-Jun 2016: 15.3%; 12.6 juta tan; 11.6 tan sehektar).

"Pengeluaran MSM dijangka mencapai 20 juta tan pada 2017 (2016: 17.3 juta tan) seiring trend perubahan musim dan pengurangan kesan *El-Nino*," kata laporan itu.

## KERJASAMA PERLUAS PASARAN MINYAK SAWIT DI CHINA

Berita Harian, 15 November 2017

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menerusi Institut Perkhidmatan Teknikal dan Penyelidikan Minyak Sawit di China (PORTSIM China) menjalin kerjasama strategik dengan AladdinStreet China untuk memperluaskan pasaran minyak sawit di negara itu.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, kerjasama itu akan memanfaatkan platform e-dagang untuk meningkatkan pemasaran minyak sawit Malaysia di ekonomi kedua terbesar dunia itu.

Beliau berkata, pasaran China dengan 1.5 bilion penduduk menawarkan peluang pertumbuhan besar kepada produk sawit negara.

Kerjasama ini adalah untuk meningkatkan pemasaran minyak sawit Malaysia di China dengan memanfaatkan platform e-dagang.

“Saya pasti kerjasama ini akan berjaya,” katanya pada sidang media selepas menyaksikan pemeteraian perjanjian kerjasama PORTSIM China dan AladdinStreet China di sini, hari ini.

Ia diadakan sempena penganjuran Kongres dan Pameran Minyak Sawit Antarabangsa 2017 (PIPOC 2017).

## MPOB KEMAS KINI DASAR SELARI TN50

Berita Harian, 17 November 2017

Meletakkan industri sawit pada tahap mampan menjadi matlamat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dalam pelaksanaan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din berkata, MPOB sedang mengemas kini dasar dan struktur yang perlu dilaksanakan bagi memastikan ia selari dengan pelan TN50.

“Apabila tiba TN50, industri sawit negara ketika itu kita anggap berada di tahap mampan. Kemampanan ini boleh dilihat dari aspek sosial, alam sekitar dan pendapatan tinggi.

“Dengan adanya industri yang mampan, ia akan mewujudkan keadaan sosial yang harmoni, sekali gus dapat menjana pendapatan lebih baik berbanding sekarang dan kualiti hidup menjadi lebih baik,” katanya.

Beliau berkata demikian sempena penganjuran Kongres dan Pameran Minyak Sawit Antarabangsa 2017 (PIPOC 2017).

Perancangan ke arah TN50 dilihat selari dengan tema PIPOC 2017, iaitu ‘Menghargai Masa Lalu, Merencanakan Masa Depan’ kerana ia berorientasikan penyelidikan dan teknologi.

## ANTI MINYAK SAWIT, MALAYSIA KUTUK DISKRIMINASI BERTERUSAN

Utusan Malaysia, 1 Disember 2017

Kerajaan Malaysia mengutuk keputusan Jawatankuasa Parlimen Industri, Penyelidikan dan Tenaga Kesatuan Eropah (ITRE) yang menyokong Arahan Tenaga Boleh Baharu (RED) untuk melarang penggunaan bahan api bio berasaskan sawit dalam kalangan negara-negara anggotanya.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, ini kerana keputusan itu menggambarkan satu bentuk diskriminasi yang tidak wajar dan tidak berasas.

Beliau melihat larangan itu akan menjejaskan Kesatuan Eropah (EU), pengeksport dan pihak berkaitan berikutan turut mendiskriminasi eksport minyak sawit dari Malaysia.

“Sebarang percubaan untuk mendiskriminasi industri bahan api bio berasaskan minyak sawit dan memberi kesan negatif terhadap kerjasama perdagangan negara-negara Eropah di Malaysia dan rantau Asia Tenggara.”

# TAHUKAH ANDA?

## KELAB 30 TAN



Sijil dan lencana Ahli Kelab 30 Tan.

Sejak 1992, MPOB telah melaksanakan dasar untuk menyampaikan teknologi terkini berkaitan sawit kepada pekebun kecil persendirian. Ini bertujuan agar pekebun kecil dapat meningkatkan hasil sawit mereka daripada 10-13 tan/ha/thn kepada 30 tan/ha/thn atau lebih. Sedekad berlalu, aktiviti pengembangan yang dilaksanakan telah mula membuah hasil. Segelintir daripada pekebun kecil yang telah menggunakan teknologi MPOB mula merekodkan hasil BTS melebihi 25 tan/ha/thn. Ini menunjukkan pegawai pengembangan MPOB iaitu Pegawai TUNAS Kawasan (PTK) telah dapat menyampaikan teknologi terkini secara berkesan kepada pekebun kecil.

Idea untuk menubuhkan Kelab 30 Tan tercetus pada penghujung tahun 2001 oleh MPOB dan idea ini telah dilaksanakan pada 2002. Pekebun kecil persendirian yang berjaya mencapai hasil BTS yang tinggi melebihi 30 tan/ha/thn pada

mana-mana tahun sepanjang umur pokok sawit ditanam akan dipilih dan didaftarkan sebagai ahli. Mereka yang mencapai hasil sebanyak 25 tan/ha/thn untuk pokok sawit yang berumur lima hingga lapan tahun juga turut dipilih sebagai ahli. Pemilihan Ahli Kelab 30 Tan ini adalah bertujuan untuk memberi dorongan dan motivasi kepada pekebun kecil tersebut untuk mencapai hasil yang lebih tinggi pada masa hadapan.

Objektif utama penubuhan Kelab 30 Tan adalah untuk membentuk kumpulan pekebun kecil persendirian yang cemerlang, berpengalaman, berdaya saing, progresif dan dinamik melalui pakej pemindahan teknologi yang terancang serta mendorong dan membimbing pekebun kecil persendirian yang lain supaya lebih bersemangat untuk berjaya.

Antara faedah yang diperoleh pekebun kecil persendirian yang menjadi Ahli Kelab 30 Tan adalah seperti berikut:

- i) Pemberian sijil penghargaan dan lencana Kelab 30 Tan sebagai pengiktirafan MPOB.
- ii) Mendapat khidmat nasihat secara berkala oleh Pegawai TUNAS MPOB.
- iii) Pemberian wang saku hati sekiranya dipilih oleh MPOB untuk menyampaikan ceramah teknikal kepada kumpulan pekebun kecil sawit persendirian yang lain.
- iv) Mendapat keutamaan mengikuti aktiviti anjuran MPOB seperti menghadiri seminar, persidangan, kursus, bengkel dan lain-lain.
- v) Berpeluang mengikuti program lawatan sambil belajar yang dianjurkan oleh MPOB bagi meningkatkan pengetahuan mengenai teknologi baru berkaitan sawit.
- vi) Berpeluang mendapat anugerah pekebun kecil cemerlang dalam program anjuran kementerian atau agensi berkaitan.

Pada 2016, bilangan Ahli Kelab 30 Tan semakin meningkat dan telah mencapai seramai 1113 orang (*Jadual 1*). Kini, Kelab 30 Tan telah mula dikenali ramai. Kebanyakan ahlinya telah diiktiraf sebagai Peladang Jaya sama ada di peringkat MPOB mahu pun di peringkat kebangsaan. Secara tidak langsung Ahli Kelab 30 Tan telah menjadi *role model* untuk pekebun kecil sawit yang lain untuk terus maju dan meningkatkan produktiviti sawit mereka.



Ahli Kelab 30 Tan memberi ceramah teknikal ketika Program Sehari Bersama Ahli Kelab 30 Tan yang dianjurkan MPOB.



Antara Ahli Kelab 30 Tan yang diiktiraf sebagai Peladang Jaya di peringkat kebangsaan.

**JADUAL 1. JUMLAH AHLI KELAB 30 TAN BAGI TAHUN 2016**

Negeri	Bilangan
Kedah	12
Pulau Pinang	5
Perak	153
Pahang	53
Terengganu	3
Kelantan	7
Selangor	60
Negeri Sembilan	16
Melaka	24
Johor	377
Sabah	263
Sarawak	140
<b>Jumlah</b>	<b>1 113</b>

Sumber: MPOB (2016).

## RUJUKAN

IDRIS, O; ROSLAN, A dan NAZIRAH, C J (2007). *A Survey on 30-Tonner Club Member Select Suitable Candidates as MPOB Agents. Proceedings of the Roundtable Discussion Oil Palm: Narrowing the Yield GaP towards Vision 35:25.*



Sumbangan:  
Mohd Haidhar Abdul Hamid  
mohd.haidhar@mpob.gov.my

# Berita Bergambar



Datuk Seri Mah Siew Keong, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi sedang mencuba mesin Cantas® semasa melawat SPOC Hilir Perak pada 23 September 2017 di Teluk Intan, Perak.

Datuk Datu Nasrun Datu Mansur, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (tengah) memotong reben sempena Majlis Perasmian Pusat Timbang Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Tongod Sabah Berhad) pada 5 Oktober 2017 di Dewan Serbaguna Kg Simping Entilibon, Sabah. Turut kelihatan Datuk Seri Ahmad Hamzah, Pengerusi MPOB (dua dari kiri).



Datuk Seri Mah Siew Keong, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (kiri) bergambar kenangan sempena Majlis Perasmian Penutup Roadshow Seminar Keperluan Latihan Kemahiran Dalam Memperkasa Modal Insan di Sektor Komoditi pada 7 Oktober 2017 di Hotel Grand Court, Teluk Intan, Perak. Turut kelihatan Dr Ahmad Kushairi Din, Ketua Pengarah MPOB (dua dari kiri).



Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (tengah), bergambar kenangan bersama penerima bantuan tanam baru sawit pekebun kecil sempena Program Hello Sawit Pensiangan pada 8 Oktober 2017 di Pusat Timbang KPSM Kg Delayang Lama, Sook, Pensiangan, Sabah.





Datuk Dr Ahmad Kushairi Din, Ketua Pengarah MPOB menyampaikan Anugerah Khas Ketua Pengarah kepada Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM): Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil sempena Majlis Penyampaian Anugerah MPOB 2017 pada 5 Disember 2017. Turut kelihatan Hj Mohamad Nor Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) dan Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan).

Datuk K Yogeesvaran, Ketua Setiausaha MPIC menyampaikan anugerah kepada pemenang Anugerah Emas Penyelidikan yang bertajuk Green Technology Approaches for the Management of Ganoderma Disease in Oil Palm sempena Majlis Penyampaian Anugerah MPOB 2017 pada 7 Disember 2017. Turut kelihatan Datuk Dr Ahmad Kushairi Din, Ketua Pengarah MPOB.



Sesi bergambar selepas tamat Mesyuarat Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) Zon Semenanjung Bil. 3 (1/2017) di perkarangan Hotel Seri Malaysia Johor Bahru.



Pegawai TUNAS memberikan taklimat pengendalian bahan kimia dan pengurusan alat perlindungan diri (PPE) kepada pekebun kecil pada program PraAudit Fasa 2 MSPO SPOC J12 di Kg Pemuda pada 5 November 2017.

# DIARI & PERISTIWA

(JANUARI-APRIL 2018)

## SENARAI KURSUS UNTUK PEKEBUN KECIL ANJURAN TUNAS, MPOB

Program/Kursus	Tarikh	Tempat	Sebarang pertanyaan sila hubungi
<b>ZON UTARA</b>			
Kursus Sehari untuk Pekebun Kecil Sawit	21/2/2018	Akan diberitahu kemudian (ADK) – MPOB Caw. Tapah ADK – MPOB Caw. Hilir Perak	<b>Penyelaras TUNAS Zon Utara</b> En Parthiban Kannan Tel : 05-623 4104 <a href="mailto:parthiban@mpob.gov.my">parthiban@mpob.gov.my</a>
	4/4/2018		
Perasmian Pusat Timbang/ Taklimat Penerangan Promosi KPSM	23/1/2018	Pusat Timbang KPSM Teluk Intan, Perak KPSM Selama, Perak	
	20/2/2018		
MAT KPSM	29/3/2018	KPSM Selama, Perak	
<b>ZON TIMUR</b>			
Program Pensijilan Latihan MPOB GAP/MSPO	5/3/2018	ADK - MPOB Temerloh ADK – MPOB Caw. Kuantan ADK – MPOB Stesen Hulu Paka	<b>Penyelaras TUNAS Zon Timur</b> En Mohd Khairul Anwar Isnin Tel : 09-296 0580 <a href="mailto:khairulanwar@mpob.gov.my">khairulanwar@mpob.gov.my</a>
	8/3/2018		
	10/4/2018		
Kursus Sehari untuk Pekebun Kecil Sawit	17/4/2018	ADK – MPOB Caw. Raub	
Perasmian Pusat Timbang/ Taklimat Penerangan Promosi KPSM	21/3/2018	KPSM Bera, Pahang KPSM Temerloh, Pahang KPSM Besut, Terengganu	
	13/3/2018 8/3/2018		
MAT KPSM	29/3/2018	KPSM Maran, Pahang	
<b>ZON SELATAN 1</b>			
Program Pensijilan Latihan MPOB GAP/MSPO	29-30/1/2018	Dewan Orang Ramai Layang-Layang dan Balai raya Bakit Batu Parit Hj Adna, Pontian	<b>Penyelaras TUNAS Zon Selatan 1</b> Pn Nursuhana Dahari Tel: 07-789 1133 <a href="mailto:nursuhana@mpob.gov.my">nursuhana@mpob.gov.my</a>
	26/1/2018		
Lawatan Sambil Belajar	27/2/2018	Kilang MPOB F4 dan Kilang MPOB F5 Kilang MPOB F4 dan Kilang Penapis Minyak Sawit	
	26/4/2018		
Perasmian Pusat Timbang/ Taklimat Penerangan Promosi KPSM	18/3/2018	KPSM Kg GSA Chamek	
MAT KPSM	22/4/2018	KPSM Kluang Utara Berhad KPSM Kulajaya Berhad	
	17/4/2018		

SENARAI KURSUS UNTUK PEKEBUN KECIL ANJURAN TUNAS, MPOB			
Program/Kursus	Tarikh	Tempat	Sebarang pertanyaan sila hubungi
<b>ZON SABAH 1</b>			
Kursus Sehari untuk Pekebun Kecil Sawit	30/1/2018 17/2/2018	Dewan Mini Kg Lupak, Beufort Dewan Serbaguna Kg Perancangan Ranau	<p><b>Penyelaras TUNAS Zon Sabah 1</b> En Amran Arifin Tel: 088-493 700 <a href="mailto:amranarifin@mpob.gov.my">amranarifin@mpob.gov.my</a></p>
	15/3/2018 29/3/2018 18/4/2018	Dewan Bingkor, Keningau Dewan Kg Indah Benoni, Papar Dewan Serbaguna Kg Pimpin Mambakut	
	24/4/2018	Dewan Serbaguna Kg Rampaian Laut	
	19/2/2018 21/2/2018 5/3/2018 5/4/2018	Balai raya NangaranMini Dewan Kg Sinau, Sook Kg Bongkud, Ranau Dewan Masyarakat Antanom Tenom	
	27/2/2018 15/3/2018 28/3/2018 19/4/2018	Dewan Kg Kilugus Dewan Bingkor, Keningau Dewan Mini Perputakaan Dewan Perputakaan Keningau	
Roadshow Bantuan MPOB	22/3/2018	Kilang Sawit KKS, Tapak Semaian dan Ladang Borneo Samudera	
Program Sehari Bersama Ahli Kelab 30 Tan			
<b>ZON SABAH 2</b>			
Kursus Sehari untuk Pekebun kecil Sawit	13/3/2018 14/3/2018 15/3/2018	Gumayad Cafe, Kg Usaha Jaya Kinabatangan Dewan Kg Batu Puteh, Kinabatangan Dewan Kg Bilit Kinabatangan	<p><b>Penyelaras TUNAS Zon Sabah 2</b> En Juhari Bungkin Tel: 089-897 106 <a href="mailto:juhari@mpob.gov.my">juhari@mpob.gov.my</a></p>
	13/3/2018 14/3/2018 15/3/2018	Gumayad Cafe, Kg Usaha Jaya Kinabatangan Dewan Kg Batu Puteh, Kinabatangan Dewan Kg Bilit Kinabatangan	
Roadshow Bantuan MPOB			
<b>ZON SARAWAK 1</b>			
Kursus Sehari untuk Pekebun Kecil Sawit	13/2/2018 22/2/2018 10/4/2018	Dewan Kabong Dewan Setia Smunjan Dewan Serbaguna Selangau, Sibul	<p><b>Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 1</b> En Arfan Johari Tel: 083-436 273 <a href="mailto:arfan@mpob.gov.my">arfan@mpob.gov.my</a></p>
	25/4/2018	Dewan @Rh Engkilili@ Lubuk Antu	
	26/4/2018	Suri Tengah, Debak	

## SENARAI KURSUS UNTUK PEKEBUN KECIL ANJURAN TUNAS, MPOB

Program/Kursus	Tarikh	Tempat	Sebarang pertanyaan sila hubungi
<b>ZON SARAWAK 1</b>			
Program Pensijilan Latihan MPOB GAP/MSPO	16/1/2018	Rh Panjang Kawasan Jepak/ Tatau	<b>Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 1</b> En Arfan Johari Tel: 083-436 273 <a href="mailto:arfan@mpob.gov.my">arfan@mpob.gov.my</a>
	24/1/2018	Dewan@Rh Engkilili@ Lubuk Antu	
	25/1/2018	Dewan Kg Terasi, Btg Sadong	
	13/2/2018	ADK – MPOB Caw. Saratok	
	22/2/2018	Dewan@Rh Sri Aman @ Lingga	
	20/3/2018	Rh Anderson Kalong, Lubok Bemban	
28/3/2018	Dewan@Rh Lachau@Pantu		
Roadshow Bantuan MPOB	22/1/2018	Dewan Sj Sg Mandor – MPOB Caw. Sarikei	
	20/3/2018	Rh Anderson Kalong, Lubok Bemban – MPOB Caw. Mukah	
	20/3/2018	ADK – MPOB Caw. Betong	
	28/2/2018	Dewan Masyarakat Daro- MPOB Caw. Mukah	
	18/4/2018	Rh Bayang, Sg Dijjih – MPOB Caw. Sibu	
26/4/2018			
MAT KPSM	22/1/2018	RAMP KPSM Daerah Sarikei	
	6/2/2018	ADK – MPOB Caw. Sarikei	
	19/3/2018	ADK – MPOB Caw. Sarikei	
	27/3/2018	ADK – MPOB Caw. Sarikei	
<b>SARAWAK 2</b>			
Kursus Sehari untuk Pekebun Kecil Sawit	8/3/2018	Rh Panjang Kawasan Jepak/ Tatau	<b>Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 2</b> En Khairul Abidin Tel: 085-427 166 <a href="mailto:khairul.abidin@mpob.gov.my">khairul.abidin@mpob.gov.my</a>
	6/4/2018	Bilik Masyarakat Gunasama Sebauh– MPOB Caw. Bintulu	
	10/3/2018	Dewan Sg Asap – MPOB Caw. Belaga	
	28/3/2018	Dewan Masyarakat & Rh Batu Niah – MPOB Caw. Batu Niah	
	29/3/2018	Dewan Sg Asap – MPOB Caw. Belaga	
Program Sehari Bersama Ahli Kelab 30 Tan	24/4/2018	Dewan Masyarakat/Bilik Mesyuarat RTC – MPOB Caw. Batu Niah	
Program Pemantapan GAP	31/1/2018	Bilik Mesyuarat RTC – MPOB Caw. Batu Niah	
Lawatan Sambil Belajar	30/3/2018	Kilang Samiling	


# SUDUT EKONOMI

## PRESTASI INDUSTRI SAWIT MALAYSIA SEPANJANG TAHUN 2017

Prestasi industri sawit Malaysia secara keseluruhannya pada 2017 adalah lebih baik berbanding tahun 2016. Pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) telah meningkat sebanyak 15.0% kepada 19.92 juta tan pada 2017 berbanding 17.32 juta tan pada 2016 (*Rajah 1*). Peningkatan dalam pengeluaran MSM ini disebabkan oleh peningkatan hasil buah tandan segar (BTS) berikutan pemulihan pokok sawit daripada fenomena *El-Nino* yang melanda negara bermula pada 2015. Hasil pengeluaran BTS juga telah meningkat kepada 17.89 tan/ha pada 2017 berbanding hanya 15.91 tan/ha pada 2016.

Peningkatan dalam jumlah eksport produk sawit pada 2017 ini disebabkan oleh peningkatan permintaan minyak sawit oleh negara pengimport seperti Pakistan, Iran, Filipina, Turki dan Vietnam.

*Jadual 2* menunjukkan petunjuk prestasi terpilih industri sawit Malaysia. Pada 2017, didapati kadar perahan minyak (OER) telah mengalami penyusutan sebanyak 2.3% kepada 19.72% berbanding 20.18% yang dicapai pada 2016. Import minyak sawit pula telah mengalami peningkatan yang ketara iaitu kepada 0.56 juta tan pada 2017 berbanding hanya 0.42 juta tan pada 2016. Stok akhir minyak sawit didapati telah



Sumber: MPOB (2018).

*Rajah 1. Pengeluaran bulanan minyak sawit mentah.*

Secara keseluruhan, jumlah dan nilai eksport produk sawit Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik pada 2017 berbanding tahun 2016. Jumlah eksport produk sawit telah meningkat sebanyak 0.64 juta tan atau 2.7% kepada 23.93 juta tan berbanding hanya 23.29 juta tan yang direkodkan pada 2016 (*Jadual 1*). Pertambahan jumlah eksport produk sawit dan pengukuhan harga telah menyebabkan nilai eksport produk sawit meningkat sebanyak RM 10.02 bilion kepada RM 74.61 bilion 2017 berbanding hanya RM 64.59 bilion pada 2016.

meningkat dengan ketara sebanyak 63.5% kepada 2.73 juta tan pada 2017 berbanding hanya 1.67 juta tan pada 2016. Harga purata MSM telah meningkat sebanyak RM 130 atau 4.9% kepada RM 2783 setan pada 2017 berbanding RM 2653 setan pada tahun sebelumnya. Sebaliknya, harga isirung sawit telah menyusut sebanyak RM 75 atau 2.9% kepada RM 2536 setan pada 2017 berbanding RM 2611 setan pada 2016.

*Rajah 2* menunjukkan harga purata bulanan BTS yang dilaporkan oleh pihak pengilang BTS kepada MPOB pada Januari 2016 sehingga

JADUAL 1. PRESTASI JUMLAH DAN NILAI EKSPORT PRODUK SAWIT


Produk sawit	Jumlah (tan)		Beza		Nilai (RM juta)		Beza	
	2017	2016	tan	%	2017	2016	RM juta	%
Minyak sawit	16 555 479	16 045 957	509 522	3.2	49 997	43 369	6 628	15.3
Minyak isirung sawit	966 867	923 096	43 771	4.7	5 656	4 887	769	15.7
Dedak isirung sawit	2 206 657	2 213 847	(7 190)	(0.3)	922	874	48	5.5
Oleokimia	2 744 004	2 757 756	(13 752)	(0.5)	14 916	12 722	2 194	17.2
Produk akhir	402 200	489 071	(86 871)	(17.8)	1 823	2 052	(229)	(11.2)
Biodiesel	235 291	83 581	151 710	181.5	778	248	530	213.7
Lain-lain	824 103	780 832	43 271	5.5	517	440	77	17.5
<b>Jumlah</b>	<b>23 934 602</b>	<b>23 294 140</b>	<b>640 462</b>	<b>2.7</b>	<b>74 609</b>	<b>64 592</b>	<b>10 017</b>	<b>15.5</b>

Sumber: MPOB (2018).

JADUAL 2. PETUNJUK PRESTASI INDUSTRI SAWIT MALAYSIA

Butiran	2017	2016	Beza	
			Jumlah	%
OER (%)	19.72	20.18	(0.46)	(2.3)
Hasil minyak (tan/ha)	3.53	3.21	0.32	10.0
Import minyak sawit (tan)	556 095	415 414	140 681	33.9
Stok akhir (juta tan)	2.73	1.67	1.06	63.5
Harga MSM (RM/tan)	2 783.00	2 653.00	130.00	4.9
Harga isirung sawit (RM/tan)	2 536.00	2 611.00	(75.00)	(2.9)

Sumber: MPOB (2018).



Sumber: MPOB (2018).

Rajah 2. Harga purata BTS (Harga di pintu kilang (RM/tan)).

Disember 2017. Secara keseluruhannya, harga purata bulanan BTS 2017 adalah lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Harga purata BTS telah meningkat sebanyak 2.0% kepada RM 606 setan pada 2017 berbanding RM 594 setan pada 2016. Peningkatan harga BTS ini adalah selari dengan peningkatan harga MSM di pasaran yang disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- i. peningkatan jumlah eksport minyak sawit kesan daripada harga minyak sawit yang lebih kompetitif berbanding harga minyak sayuran utama dunia;
- ii. peningkatan harga minyak sayuran utama dunia terutamanya minyak kacang soya yang merupakan produk pengganti yang hampir dengan minyak sawit;
- iii. kelemahan mata wang Ringgit berbanding Dolar Amerika yang telah menyebabkan nilai minyak sawit dalam tukaran Dolar

menjadi lebih murah di kalangan negara-negara pengimport; dan

- iv. peningkatan harga minyak petroleum di pasaran dunia. Minyak sawit berhubung secara positif dengan pergerakan harga minyak petroleum semenjak produk biodiesel berasaskan sawit diperkenalkan.

Kesan daripada peningkatan pengeluaran MSM dan harga minyak sawit yang lebih berdaya saing berbanding minyak kacang soya telah menyebabkan prestasi eksport minyak sawit pada 2017 berada pada tahap yang lebih baik berbanding pada 2016. Peningkatan harga MSM terutama pada suku tahun pertama dan kedua telah menyebabkan harga BTS turut meningkat dengan ketara pada 2017 berbanding 2016. Prestasi industri sawit Malaysia dijangka akan terus mengukuh pada 2018 dengan pengeluaran MSM dan eksport minyak sawit dijangka akan terus menunjukkan aliran peningkatan.



Sumbangan:  
Ayatollah K Ab Rahman  
ayat@mpob.gov.my

## USAHAWAN SAWIT JAYA

### USAHA MENJADI JAYA



Che Embong Ali dilahirkan pada 7 September 1964 di Kg Jabi, Jerteh Terengganu. Suami beliau Mohd Nor Mohd berumur 57 tahun dan mempunyai enam orang anak yang telah berjaya dalam kehidupan masing-masing.

Beliau mula menceburi dalam bidang sawit bermula pada 2009 sebagai pekebun kecil dengan keluasan 2.436 ha. Kebun beliau yang terletak di Mukim Jerangau, Dungun, Terengganu diuruskan oleh pekerja yang diupah oleh beliau.

Pada peringkat awal, beliau yang mendapat maklumat melalui media massa telah memohon Skim Insentif Tanam Semula Sawit (SITS) yang diperkenalkan oleh MPOB pada ketika itu. SITS adalah program yang dicadangkan oleh kerajaan dan dilaksanakan oleh MPOB bertujuan bagi mengawal kejatuhan harga minyak sawit ketika itu akibat longgokan minyak sawit mentah. Skim ini membantu pekebun kecil sawit untuk menebang dan menanam semula sawit. Peruntukan yang diberi adalah sebanyak RM 1000/ha dengan keluasan maksimum yang boleh dimohon adalah 40.46 ha. Che Embong mengambil peluang ini dengan menjadi salah seorang pemohon yang berjaya melepasi syarat dan mendapat kelulusan. Beliau sangat menghargai dan berterima kasih kepada kerajaan melalui MPOB yang telah membantu untuk mendapat bantuan tanam semula sawit ini.

Melalui Pegawai TUNAS, MPOB telah menyalurkan maklumat dan memberi khidmat nasihat secara berterusan kepada beliau yang menguruskan sendiri kebun sawit. Beliau sangat berterima kasih dengan bantuan yang diberikan



kerana sedikit sebanyak dapat meringankan beban sebagai pekebun kecil sawit persendirian.

Selain itu, beliau juga telah menambah pendapatan melalui aktiviti sampingan seperti ternakan lembu sebanyak empat ekor sebagai integrasi dengan sawit. Ternakan lembu itu juga berfungsi sebagai kawalan biologi untuk mengawal rumpai di kawasan kebun beliau. Selaras dengan saranan kerajaan yang ingin memastikan pekebun kecil mengamalkan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan sekali gus memperoleh sijil MSPO sebelum 31 Disember 2019. Beliau merupakan Ahli Kelab 30 Tan dan memiliki hasil yang sentiasa meningkat setiap tahun. Tanaman sawit beliau yang berumur sembilan tahun pada 2016 telah berhasil dan hasil beliau mencapai 36 tan/ha/thn.

Dari segi produktiviti, untuk mendapat hasil yang tinggi, beliau berpendapat pembajaan adalah perkara yang sangat dititikberatkan dalam pengurusan kebun. Setakat ini, amalan pembajaan beliau adalah sekitar 2.5 kg hingga ke 3 kg/pokok dan pusingan pembajaan pula tidak kurang daripada tiga kali setahun. Beliau berpendapat bahawa berkebun dapat mengekalkan kesihatan di samping membantu menaikkan taraf ekonomi keluarga. Beliau berharap supaya ada generasi baru yang berminat untuk sama-sama membangunkan ladang sawit dan apa jua kerja yang berbakti pada tanah kerana bagi beliau, berbakti pada tanah adalah satu pelaburan yang menguntungkan kerana dengan usaha pasti berjaya.

*Temubual bersama pekebun kecil telah diadakan pada 7 November 2017.*



Sumbangan:  
 Reza Ashraf Zakaria  
 reza@mpob.gov.my

# MANUAL PENGGREDAN BUAH KELAPA SAWIT

SIRI 3

## BAB 2: PELAKSANAAN PENGGREDAN

Pemprosesan tandan buah kelapa sawit yang bermutu akan meningkatkan kuantiti dan kualiti minyak sawit mentah yang dihasilkan oleh kilang. Tandan kelapa sawit bermutu ialah tandan segar yang mempunyai kandungan minyak yang tinggi dan berkualiti.

Bagi memastikan kilang hanya menerima dan memproses buah kelapa sawit yang bermutu, pihak kilang hendaklah menjalankan penggredan mengikut prosedur penggredan yang disyorkan dalam manual ini.

Pemprosesan buah kelapa sawit bermutu akan meningkatkan kadar perahan minyak dan membolehkan pengilang membayar harga buah kelapa sawit yang setimpal kepada pembekal.

Kerja-kerja penggredan hendaklah dilaksanakan mengikut panduan bagi memastikan ketepatan hasil penggredan seperti berikut:

### 2.1: Tempat Penggredan

Aktiviti penggredan buah kelapa sawit hendaklah dilakukan di atas platform penerimaan buah kelapa sawit yang diperbuat daripada konkrit di dalam premis kilang atau peniaga buah kelapa sawit.

### 2.2: Siapa yang Boleh Melakukan Kerja Penggredan

Kerja-kerja penggredan hanya boleh dilakukan oleh orang yang memiliki sijil penggredan buah kelapa sawit MPOB. Sijil boleh diperolehi dengan menghadiri kursus-kursus penggredan yang dianjurkan oleh MPOB.

MPOB telah menerbitkan buku *Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB Edisi Ketiga (2015)*. Buku ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti pengeluaran minyak dan isirung sawit. Buku boleh diperolehi secara:



Pembelian tunai di **PalmShope MPOB:**

Ibu Pejabat MPOB (03-8769 4908),

Stesen Penyelidikan Kluang (07-789 1131), Wisma Sawit Kelana Jaya (03-7820 2854),

Stesen Penyelidikan Keratong (09-451 4400), Pejabat Cawangan Kuantan (09-572 9696) dan

Pejabat Wilayah Sabah (088-493 702)

**ATAU**

Pembelian melalui pos dengan menghantar wang pos, draf bank, deposit tunai ke akaun MPOB (No. Akaun CIMB: 8600466967) atau cek atas nama 'Ketua Pengarah MPOB' ke:

- Palmshoppe Ibu Pejabat MPOB  
Peti Surat 10620, 50720 Kuala Lumpur (u/p: Mohd Rizal Reduan)  
No. Tel: 03-8769 4908 No. Faks: 03-8925 4213  
Laman Web: [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

\* Dipetik daripada Buku Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB Edisi Ketiga (2015).

# Direktori

## M P O B

	Alamat	No. Telefon dan Faks
<b>Ibu Pejabat</b>	Lembaga Minyak Sawit Malaysia 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor	Tel : 03-8769 4400 Faks : 03-8925 9446
<b>Pejabat Wisma Sawit</b>	Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan, Wisma Sawit, Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor	Tel : 03-7802 2800 Faks : 03-7803 3533
<b>Pejabat Wilayah</b>	<p><b>MPOB Wilayah Utara</b> Suite 11.02, Tingkat 11, Wisma Pantai, Jalan Kg Gajah 12200 Butterworth, Pulau Pinang</p> <p><b>MPOB Wilayah Tengah</b> Wisma Sawit, Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran 47301 Kelana Jaya, Selangor</p> <p><b>MPOB Wilayah Selatan</b> Tingkat 3, Bangunan Timjaya, No. 127, Batu 4 ½, Jalan Skudai, 81200 Johor Bahru, Johor</p> <p><b>MPOB Wilayah Timur</b> Lot PT 76928, Bangunan MPOB, Bandar Indera Mahkota, 25000 Kuantan, Pahang</p> <p><b>MPOB Wilayah Sarawak</b> Tingkat 4, Crown Towers 88, Jalan Pending, 93450 Kuching, Sarawak</p> <p><b>MPOB Wilayah Sabah</b> Lot 1, Jalan 1A, KKIP Timur, off Jalan Norowot, 88460 KKIP, Kota Kinabalu, Sabah</p>	<p>Tel : 04-323 0490/0526 Faks : 04-323 0527</p> <p>Tel : 03-7802 2843/2847/2845 Faks : 03-7803 5051</p> <p>Tel : 07-232 7551/7552/7553 Faks : 07-232 7554</p> <p>Tel : 09-572 9696 Faks : 09-572 9876</p> <p>Tel : 082-342 871 Faks : 082-342 876</p> <p>Tel : 088-493 700/702/703 Faks : 088-493 709</p>

# BORANG PENILAIAN **WARTA SAWIT**

Sila tandakan penilaian anda berkenaan *Warta Sawit* ini mengikut skala di bawah. MPOB menghargai pandangan dan komen anda untuk menambah baik *Warta Sawit* pada masa akan datang.

Skala:

1 – Rendah    2 – Sederhana    3 – Baik    4 – Memuaskan    5 – Cemerlang

Penilaian							Komen (Jika ada)
1	Kandungan <i>Warta Sawit</i> mudah difahami	1	2	3	4	5	
2	Maklumat dalam <i>Warta Sawit</i> merupakan maklumat terkini dalam industri sawit negara	1	2	3	4	5	
3	Maklumat dalam <i>Warta Sawit</i> membantu dalam menguruskan penanaman sawit	1	2	3	4	5	
4	Berikan skor untuk <i>Warta Sawit</i> keluaran ini	1	2	3	4	5	

5. Bagaimana anda mendapat *Warta Sawit* ini?

- Pegawai TUNAS MPOB                       Portal MPOB  
 Pejabat TUNAS MPOB                       Lain-lain, nyatakan \_\_\_\_\_  
 Seminar/Kursus anjuran MPOB                      \_\_\_\_\_



6. Berikan idea anda untuk menambah baik *Warta Sawit* ini.

---

---

---

7. Adakah anda ingin MPOB mengiriskan *Warta Sawit* ini kepada anda? Jika YA, nyatakan alamat anda untuk penghantaran.

---

---

---

8. Adakah Direktori yang disertakan berguna atau tidak?

---

Terima kasih kerana sudi meluangkan masa anda untuk memberikan penilaian dan pandangan.

Untuk mengembalikan jawapan anda, sila ikuti tertib berikut:

1. Ambil gambar borang penilaian ini menggunakan telefon pintar anda, dan
2. Hantar gambar tersebut melalui aplikasi *WhatsApp* ke 017-8219 693

MPOB sangat menghargai sumbangan anda.

# TEMPAHAN IKLAN DALAM WARTA SAWIT

**M**POB mempelawa syarikat-syarikat yang berminat untuk mengiklankan perniagaan, produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan sektor pekebun kecil sawit dalam *Warta Sawit*. Kos untuk pengiklanan bagi saiz A4 (halaman dalam berwarna) adalah RM 800 manakala saiz A4 (halaman belakang) adalah RM 1000. Diskaun 20% diberikan kepada syarikat yang membuat tempahan iklan untuk tiga keluaran berturut-turut. Semua cek adalah atas nama 'Ketua Pengarah MPOB'. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

**Ainul Shazwin Sahidan**  
(Tel: 03-8769 4497)  
ainul.shazwin@mpob.gov.my

atau

**Reza Ashraf Zakaria**  
(Tel: 03-8769 4997)  
reza@mpob.gov.my

Faks: 03-8920 2932

Anda juga boleh membuat tempahan iklan menerusi aplikasi *whatsapp*. Sila ambil gambar borang iklan ini dan hantar ke 017-821 9693. Pegawai kami akan menghubungi anda untuk urusan lanjut.

Tarikh akhir pesanan iklan dalam *Warta Sawit* adalah seperti berikut:

Bilangan terbitan	Keluaran	Tarikh akhir tempahan dan penghantaran filem dan cek
68/(1) 2018	Jan – Apr 2018	31 Mac 2018
69/(2) 2018	Mei – Ogos 2018	30 Julai 2018
70/(3) 2018	Sep – Dis 2018	30 November 2018

## SLIP TEMPAHAN

Ketua Pengarah MPOB  
6, Persiaran Institusi  
Bandar Baru Bangi  
43000 Kajang, Selangor

U/P: Reza Ashraf Zakaria - Unit Khidmat Pengembangan  
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan


Syarikat kami berminat untuk menempah iklan dalam *Warta Sawit* MPOB. Sila tandakan (✓) dalam kotak berkenaan:

<input type="checkbox"/> Halaman dalam A4 (warna)	(satu keluaran) <input type="checkbox"/> RM 846.00	(tiga keluaran) <input type="checkbox"/> RM 2035.20
<input type="checkbox"/> Kulit belakang (warna)	<input type="checkbox"/> RM 1060.00	<input type="checkbox"/> RM 2544.00

Nama Syarikat:	
Alamat:	No. Tel:
	No. Faks:
Nama Pegawai:	
E-mel:	<i>Warta Sawit</i> Bil:

Tandatangan

Tarikh



**RealStrong®**  
AgriCulture Innovation

# MPOB F4

## Baja Bio-Kimia 3 dalam 1

### dirumuskan khusus untuk kelapa sawit



# Hasil Lebih dan Berkualiti

**Baja Bio-Kimia RealStrong meningkatkan pengambilan nutrien untuk pertumbuhan optimum dan hasil yang berkualiti tinggi.**

#### All Cosmos Industries Sdn Bhd

(487874-D)  
**Ibu Pejabat/Kilang 2**  
PLO 650, Jalan Keluli 7,  
Pasir Gudang Industrial Estate,  
81700 Pasir Gudang, Johor, Malaysia.  
Tel: +607-252 3788  
Fax: +607-251 2588 / +607-252 5298

**Kilang Johor 1**  
PLO 442, Jalan Suasa,  
Pasir Gudang Industrial Estate,  
81700 Pasir Gudang, Johor, Malaysia  
Tel: +607-252 8066 Fax: +607-255 3904

**Pejabat Kuala Lumpur**  
No. 42-2, Jalan PJU 5/11,  
Dataran Sunway, Kota Damansara,  
47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.  
Tel: +603-6141 6758 Fa x+603-6141 6548

**Pejabat Indonesia**  
Ira Building, Jl. cactus Raya,  
Blok J No. 1 Komp. Perumahan,  
Taman Setia Budi Indah, Medan,  
Sumatera Utara, Indonesia - 2013.  
Tel: +6262 8201 288

#### Sabah Softwoods Hybrid Fertiliser Sdn Bhd (921845-M)

**Kilang**  
POIC, Lot 50 & 51, Phase 2,  
Jalan Tengah Nipah 5.5km,  
91100 Lahad Datu, Sabah, Malaysia.  
Tel: +6089-863 280  
Fax: +6089-863 290

**Laman Web :** [www.allcosmos.com](http://www.allcosmos.com)  
**Emel:** [sales\\_marketing@allcosmos.com](mailto:sales_marketing@allcosmos.com)



**YouTube**

[www.youtube.com/theacbt](http://www.youtube.com/theacbt)

**facebook**

Find us at Facebook  
[www.facebook.com/allcosmos](http://www.facebook.com/allcosmos)



# MPOB F6

Baja Sawit Premium Yang Unggul



**PILIHAN  
TEPAT!**



## Kelebihan Baja MPOB F6

- ✓ Bertindak melepaskan nutrien dengan kadar segera untuk keperluan pokok serta mengurangkan kehilangan nutrien dengan lepasan secara perlahan (slow-release).
- ✓ Sangat sesuai dikawasan taburan hujan yang tinggi seperti di-Sabah, Sarawak, dan Pantai Timur Semenanjung.
- ✓ Baja sentiasa padat dan tidak berketul atau berabuk (tahan disimpan) serta mudah ditabur selarak diladang secara manual atau mekanikal.
- ✓ Baja MPOB F6 dibuat melalui proses kering dengan tekanan tinggi.
- ✓ Sumber bahan yang digunakan bermutu tinggi dan dikisar halus, digaul sama rata sebelum dipadatkan dan dipecahkan dalam bentuk padat (kompak) dan seragam.
- ✓ Baja kompak ini sentiasa dalam keadaan keras dan tidak berasingan (segregated) sekurang-kurangnya dalam tempoh enam bulan.

**Di rumuskan oleh:  
Lembaga Minyak  
Sawit Malaysia  
(10/7/18/2.5/0.5 B + TE)**  
Ditambah dengan TE dan  
0.5% Boron



Dikilangkan oleh:

**聯合肥料有限公司** (38033-D)  
**Consolidated Fertiliser Corp. Sdn. Bhd.**

Lot 1124 & 1125, Batu 3, Jalan Pandamar, Kg. Pandamar, Off Jalan Langat, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
Tel: 603-3165 8833 (Hunting Line) Fax: 603-3167 0817 Email: cfc@cfcsb.com